

11 JUN 2001

MALAYSIA-SINGAPURA

UTUSAN SINGAPURA: HUBUNGAN RAPAT ANTARA M' SIA DAN SINGAPURA KIAN KETARA

KUALA LUMPUR, 11 Jun (Bernama) -- Semangat kejiwaan dan kerjasama yang rapat antara Malaysia dan Singapura akan menyokong lagi daya tahan dan kekuatan dalam menghadapi daya saing dunia, demikian menurut Pesuruhjaya Tinggi Singapura ke Malaysia, K Kesavapany hari ini.

Tempoh satu tahun lepas menyaksikan pemulihan dalam suasana dan atmosfera hubungan kedua-dua buah negara, kata beliau pada majlis makan tengahari anjuran Kelab Rotary, Pudu di sini.

Lebih banyak perkembangan positif yang berlaku berbanding dengan negatif, kata beliau.

Dalam tahun 2000, menteri kanan Singapura Lee Kuan Yew telah melawat Malaysia dan beliau disambut mesra oleh pemimpin Malaysia, kata beliau.

Perbincangannya selama dua jam dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad nampaknya berjaya memberi suntikan yang segar kepada perhubungan dua hala Malaysia-Singapura, kata Kesavapany.

Menteri-menteri Singapura dan Malaysia sudah sering kali bertukar-tukar pendapat untuk meningkatkan lagi hubungan dua hala dan lebih banyak lagi pertukaran seumpama itu di masa-masa akan datang, kata beliau.

Tahun lepas, Malaysia sekali lagi menjadi rakan niaga Singapura nombor satu apabila ia menggantikan AS yang berada di tempat teratas.

Untuk kali pertama tahun lepas, dagangan dua hala antara Singapura dan Malaysia melonjak 34 peratus melangkaui S\$80 bilion (kira-kira RM169.6 bilion), peningkatan yang begitu memberangsangkan, kata Kesavapany.

Singapura juga merupakan rakan niaga kedua terbesar Malaysia selepas AS.

Pelaburan terkumpul Singapura di Malaysia berjumlah S\$8.7 bilion (kira-kira RM18.4 bilion) dan telah menjadi pelabur Asean terbesar di Malaysia dan pelabur asing keempat terbesar di dalam sektor pembuatan.

Utusan itu berkata hubungan yang baik antara rakyat Malaysia dan Singapura juga turut dilihat pada peringkat individu.

"Warga Singapura menjadikan setengah daripada jumlah pelancong yang mendatangi Malaysia, begitu juga dengan jumlah warga Malaysia yang melawat Singapura. Kebanyakan lawatan ini ialah untuk bercuti ataupun atas urusan perniagaan.

"Tetapi, sebahagian besarnya juga turut melawat keluarga dan kawan-kawan. Tidak ramai warga Singapura yang tidak mempunyai saudara di Malaysia dan perkara yang sama di kalangan warga Malaysia. Hubungan ini akan kekal kukuh di masa akan datang," kata beliau. -- BERNAMA

FAY SHY AA